

# Fu Ah Kiow dilantik Setiausaha Parlimen

BH 18 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik Ahli Parlimen Mentakab, Fu Ah Kiow, sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Pelantikan itu akan berkuat kuasa selepas beliau mengangkat sumpah jawatan pada satu tarikh yang akan ditetapkan tidak lama lagi, menurut kenyataan satu perenggan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri, hari ini.

Fu, 51, ialah anggota Majlis Tertinggi MCA kebangsaan, naib pengerusi Perhubungan MCA Pahang dan pengerusi MCA Mentakab.

Beliau berkelulusan ijazah sarjana kejuruteraan perindustrian dan pengurusan dari Cranfield Institute of Technology, United Kingdom, ijazah sarjana muda sains (kepujian) dari Universiti Malaya dan diploma pendidikan dari universiti yang sama.

Beliau adalah anggota Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN), ahli lembaga penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pengerusi Jawatankuasa Penasihat Penjaja DBKL.

Pada pilihan raya lalu, beliau mempertahankan kerusi Parlimen kawasan Mentakab, mengalahkan calon DAP, Leong Mee Meng dengan majoriti 6,524 undi.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana mengagihkan satu lagi kerusi tambahan dalam barisan Kabinet kepada parti itu.

Dr Ling berkata, pelantikan Fu amat dialukan oleh MCA terutama di Pahang.

“Perdana Menteri adalah adil dan sentiasa membuat keputusan yang bijak pada masa serta ketika yang sesuai,” katanya ketika dihubungi malam ini.